

TERAPI BAHASA DAN PERTUTURAN

BUNGA

- | | |
|----|---|
| 01 | NURUL HANAA' BINTI KHADRI (141297) |
| 02 | SALIS SURAYA BINTI AZMI (141227) |
| 03 | NUR SYUHADA BINTI MUSTAFFA (141427) |
| 04 | PRISCILLA ENTAYANG ANAK MARCUS (143819) |
| 05 | NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428) |
| 06 | NURFARISYA ILLIYYIN BINTI MOHD ISA (141054) |

DEFINISI!

BAHASA

Cara kita menggunakan perkataan untuk bertukar maklumat, termasuk secara lisan, tidak lisan dan komunikasi bertulis

PERTUTURAN

Cara kita mengeluarkan bunyi dan perkataan, termasuk artikulasi (proses menyebut), suara, dan kepetahan



MASALAH BAHASA & PERTUTURAN

Itu adalah masalah-masalah yang menjadikan komunikasi - masalah bercakap atau memahami apa yang diperkatakan oleh orang lain.



Apakah Masalah Bahasa & Pertuturan?



Gangguan ini dalam bentuk penyalahsebutan bunyibunyi pertuturan hingga tidak dapat bercakap atau percakapan sukar difahami orang lain.

Masalah Bahasa

1. Masalah Perkembangan Bahasa
2. Afasia



Apakah Tanda-Tanda Masalah Bahasa & Pertuturan?



Masalah Pertuturan

1. Gagap
2. Masalah Artikulasi
3. Masalah Suara



DEFINISI TERAPI BAHASA DAN PERTUTURAN


- X Suatu rawatan untuk memperbaiki kecacatan pertutuan yang berpunca daripada otak, telinga, peti suara yang rosak sehingga menjaskan suara, alat artikulasi, perkembangan dan kesukaran bercakap. (Enclyclopedia Britannica)
- X Kaedah untuk membantu murid yang mengalami kesukaran dalam menyebut perkataan dan berkomunikasi supaya mereka dapat menghasilkan bunyi-bunyi Bahasa dan melatih murid-murid yang menghadapi masalah artikulasi melalui Latihan asas tertentu (Konteks Pendidikan).



KEPENTINGAN TERAPI PERTUTURAN DAN BAHASA

1. Melatih murid menguasai kemahiran tertentu

Mereka akan dapat bertutur dengan lebih baik dari semasa ke semasa jika terapi ini terus dijalankan



2. Membantu murid menghasilkan bunyi bahasa

Membantu murid mengeluarkan bunyi-bunyi bahasa yang lebih bermakna.

3. Meningkatkan kefungsian kognitif, emosi dan sosial


- Mereka akan lebih berkeyakinan untuk berhadapan dengan orang lain.
- Tahap kognitif mereka meningkat daripada pengalaman bergaul dengan orang lain.

4. Meningkatkan tahap keupayaan murid.

-contohnya, apabila murid yang mengalami masalah pertuturan dapat bertutur, hal ini akan memberi kesan positif dalam diri murid termasuk tahap keupayaan dalam bidang lain seperti pelajaran

5. Membantu merangsang pertuturan dan komunikasi.

-membantu merangsang alat-alat pertuturan (mulut,lidah,gigi dan gusi) dan meningkatkan tahap komunikasi murid.
-alat pertuturan akan bergerak dan bertindak balas antara satu sama lain.




6. Membantu murid menyampaikan maklumat kepada individu lain.

-dapat meluahkan perasaan mereka dengan cara yang betul.

Membantu meningkatkan kemahiran sosial.

- Mereka akan tahu kemahiran sosial dengan baik.
- Tahu cara untuk bercakap pada tempat dan situasi yang sesuai supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan mudah dan lebih baik apabila bergaul dengan orang lain.



Memperbaiki kualiti hidup dan keyakinan diri.

- Peluang mereka untuk mendapatkan perkerjaan pada tahap yang lebih tinggi akan wujud dan keyakinan mereka akan meningkat.

ALAT-ALAT TERAPI PERTUTURAN



K
A
E
D
A
H

Kad imbas berlaminan

Echo Microphone

Set kemahiran bertutur dan mendengar

Hand puppet

Perisian nasal view

MELAKUKAN LATIHAN SENAMAN MUKA

LIDAH

1. GERAKKAN LIDAH KE ATAS
2. GERAKKAN LIDAH KE BAWAH
3. GERAKKAN LIDAH KE KANAN
4. GERAKKAN LIDAH KE KIRI

MULUT

1. BUKA MULUT SELUAS MUNGKIN
2. TUTUP MULUT
3. BUKA DAN TUTUP DENGAN PELAHAN-PELAHAN
4. BUKA DAN TUTUP MULUT DARI PELAHAN SEMAKIN LAJU.

MUKA

1. MENIRU RIAK MUKA BERDASARKAN GAMBAR ATAU ARAHAN.

KAWALAN PERNAFASAN

1. CARA PERNAFASAN MENGGUNAKAN PERUT
2. TARIK NAFAS KEMUDIAN TAHAN DAN HEMBUS
3. TARIK NAFAS IKUT HIDUNG ATAU MULUT DAN HEMBUS MELALUI HIDUNG ATAU MULUT.
4. LATIHAN HEMBUS KERTAS
5. HEMBUS BOLA KERTAS KE ARAH GOL
6. MINUM, SEDUT DAN BUAT BUIH AIR MENGGUNAKAN STRAW
7. TIUP BUIH-BUIH
8. MENIUP PERALATAN MUZIK ATAU PERALATAN YANG MENGELUARKAN BUNYI
9. TIUP WISEL MENGIKUT RENTAK
10. TIUP BELON MENGIKUT TAHAP KESUKARAN

KAWALAN SUARA

1. LETAK TANGAN DI HADAPAN MULUT
2. LETAK BELAKANG TANGAN DI BAHAGIAN LEHER
3. SEBUT FONEM /A/I/U/ DALAM MASA 5 SAAT/10 SAAT/ 15 SAAT/ 20 SAAT.

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKUKAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN PERTUTURAN DAN BAHASA KANAK- KANAK

- Senaman muka dan mulut
- Berinteraksi semasa bermain menggunakan permainan bersesuaian
- Aktiviti artikulasi untuk kanak-kanak pelat

1. Senaman muka dan mulut

Senaman yang melibatkan fungsi otot-otot muka (contoh: bibir dan rahang) dan ruang dalam mulut (contoh: lidah dan lelangit lembut).

Muka


Meniru riak muka berdasarkan gambar atau arahan.

Contoh: Sengetkan muka sebelah.




Bibir

- Buka dan tutup bibir
- Muncungkan bibir



- Kembungkan pipi dengan menahan udara dan bibir ditutup rapat.
- Tutup bibir dengan rapat, kemudian buka mulut dengan cepat, lepaskan udara sehingga bunyi seperti 'pop'.



Lidah

1. Keluarkan lidah sepanjang yang boleh.
2. Gerakkan lidah ke kiri dan ke kanan mulut.
3. Tolak lidah ke dinding pipi ke kiri dan ke Kanan.
4. Letak lidah di belakang gigi atas dan sebut 'la'.



Rahang

1. Buka mulut seluas mungkin.
2. Gerak rahang ke kanan dan ke kiri secara perlahan-lahan. Seterusnya gerakkan rahang dengan laju.
3. Gerakkan rahang ke atas dan ke bawah secara perlahan-lahan. Seterusnya gerakkan rahang dengan laju.



2. BERINTERAKSI SEMASA AKTIVITI BERMAIN MENGGUNAKAN PERMAINAN YANG SESUAI.

Bermain adalah sebahagian daripada aktiviti yang penting bagi kanak-kanak untuk mempelajari bahasa dan pertuturan.

Kanak-kanak meluahkan idea, perasaan dan fikiran mereka sewaktu bermain.

Mereka belajar berkomunikasi, menyesuaikan diri dengan persekitaran, berinteraksi dengan rakan dan mengenali benda-benda di sekeliling mereka.

Permainan olok-lok :

Kanak-kanak belajar bagaimana hendak menggambarkan sesuatu karakter dalam sesuatu situasi.

Contoh: Memberikan anak patung dan puppet. Setiap patung atau puppet mempunyai watak dan kanak-kanak perlu ambil giliran untuk melakonkan watak.



Permainan konsuktif:

Kanak-kanak membina sesuatu dengan memanipulasi persekitaran.

Contoh: Bermain doh, menyusun blok, membuat kraf tangan



Permainan mengikut peraturan:

Merupakan permainan yang memerlukan kanak-kanak mengikut peraturan dan giliran.

Contoh: Ketingting, Board games seperti dam ular, Kad UNO



3. AKTIVITI ARTIKULASI UNTUK KANAK-KANAK PELAT

Masalah artikulasi dalam pertuturan kanak-kanak pelat:

- i. **Penggantian:** 'rabbit' disebut 'wabbit'
- ii. **Penguguran:** 'Hidung' disebut 'idung', 'bas' disebut 'ba', 'makan' disebut 'kan'
- iii. **Pengubahan:** 'saya' disebut 'thaya'.
- iv. **Penambahan:** 'animal' disebut amanimal', 'bawa' disebut 'bawah'

Bercerita menggunakan buku cerita atau gambar

Contoh:

-Mengajak kanak-kanak menamakan apa yang dilihat dalam gambar.

-Mengajak kanak-kanak mencari dan menamakan objek yang serupa dengan gambar dalam buku.

Mengecam, membunyikan huruf konsonan dan mengaitkan bunyi konsonan dengan gambar.

Contoh:

- Menggunakan kad konsonan b, f, k, r, s dan kad gambar beruang, feri, katak, rumah, siput
- Ajak kanak-kanak membunyikan huruf konsonan dan mengaitkannya dengan gambar, misalnya konsonan k kaitkan dengan gambar katak, kemudian sebut k "k", "katak".

Mengecam dan membunyikan suku kata.

Contoh:

-Menggunakan kad bergambar, kad suku kata dan kad perkataan berlainan warna mengikut suku kata.

-Tunjuk kad suku kata kv / kv iaitu 'da' dan 'du'. Guru akan menyebut dahulu bunyi kad suku kata bersama kanak-kanak berulang kali.

KEKANGAN BAGI TERAPI PERTUTURAN!



Guru

1. Guru pendidikan kurang pengetahuan mengenai terapi pertuturan dan tidak biasa melakukan terapi pertuturan
2. Guru berkeberatan untuk menjalankan terapi pertuturan sebaliknya menyerahkan tugas tersebut kepada ibu bapa untuk dirujuk kepada pakar terapi.

Tingkah laku

1. Terdapat murid yang tidak mahu mengikuti aktiviti dalam terapi pertuturan
2. Murid mempunyai tingkah laku yang disruptif dan disruktif semasa proses terapi pertuturan
3. Tidak mahu mengikuti arahan daripada guru atau ahli terapi.

Bahan

1. Ketiadaan bahan yang sesuai dengan murid boleh menganggu proses terapi pertuturan
2. Penggunaan bahan bantu untuk terapi tidak mencukupi dengan bilangan murid atau bahan yang mudah rosak.



Peruntukkan masa

1. Peruntukkan masa untuk proses terapi pertuturan yang tidak mencukupi
2. Terdapat pelbagai murid yang memerlukan peruntukkan masa yang berbeza untuk sesuatu aktiviti terapi pertuturan menyukarkan guru untuk mengendalikan proses terapi pertuturan.

CADANGAN TERAPI BAHASA DAN PERTUTURAN

IBU BAPA

Ibu Bapa perlu sentiasa berkomunikasi dengan anak istimewa mereka. Semakin kerap perbualan dan pertuturan berlaku, semakin banyak input dan perbendaharaan kata yang didengar dan dikuasai oleh anak mereka.

GURU

- Guru perlu memantau perkembangan pertuturan murid. Hal ini penting untuk menjamin keberkesanan terapi pertuturan yang dijalankan dan tindakan susulan yang bakal diambil berdasarkan pencapaian murid.
- Guru juga perlu sentiasa bersedia dengan pelbagai kaedah terapi kerana setiap murid bermasalah pertuturan memerlukan pendekatan yang berbeza


KEMPEN KESEDARAN

Media massa juga perlu memainkan peranan penting dalam menyebarkan bahan-bahan ilmiah mengenai masalah pertuturan yang dihadapi oleh kanak-kanak.




KESIMPULAN

- Program terapi pertuturan merupakan satu program yang penting bagi membantu kanak-kanak bermasalah pertuturan dan komunikasi untuk bertutur.
- Guru pendidikan khas perlu didedahkan proses mendapatkan perkhidmatan, proses pengesanan awal, pengetahuan asas terapi pertuturan agar langkah-langkah yang perlu diambil bersesuaian dengan keperluan murid.
- Guru memainkan peranan penting mengesan sebarang masalah komunikasi dalam kalangan muridnya. Guru perlu menjalankan ujian diagnostik bagi mengenalpasti tahap dan kebolehan murid untuk berkomunikasi.
- Guru juga perlu bersedia melakukan inovasi dan teknik memberi terapi kepada kanak-kanak bermasalah pertuturan yang memerlukan perhatian lebih bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran bertutur sedikit demi sedikit.




LOVE TO
LEARN





TERIMA KASIH!

ADA SEBARANG SOALAN ?




SlidesCarnival icons are **editable shapes**.

This means that you can:

- Resize them without losing quality.
- Change fill color and opacity.
- Change line color, width and style.

Isn't that nice? :)

Examples:



Find more icons at slidescarnival.com/extras-free-resources-icons-and-maps